

# Jangkaan politik masyarakat bandar

Oleh SHAHARUDIN IDRUS  
dinn6358@gmail.com

**MENELITI** ucapan Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin sewaktu merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Setiawangsa baru-baru ini yang menyatakan bahwasannya jangkaan politik yang tinggi di kalangan masyarakat bandar berbanding masyarakat di luar bandar adalah sesuatu yang menarik untuk diperhalusi.

Beliau menggesa agar semua pemimpin – tidak hanya tertumpu kepada pemimpin UMNO semata-mata – di kawasan bandar supaya menggunakan kebijaksanaan luar biasa dalam mencari ikhtiar menyelesaikan masalah pengundi kerana harapan dan tuntutan penduduk di kawasan bandar berbeza dan lebih tinggi berbanding di luar bandar.

Seiring dengan nada tersebut, penulis berpandangan ruang politik negara pada masa hadapan akan berteraskan dan diterajui merentasi ruang bandar terutamanya menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 akan datang.

Justeru, dalam dekad-dekad mendatang ini, penerusan kehidupan dan keputusan demi kelangsungan politik negara akan berhadapan dengan cabaran untuk memastikan kualiti kehidupan warga bandar yang lebih baik atau lebih berdaya huni (*livable*).

Warga bandar tidak lagi berpaut sepenuhnya pada pepohon janji yang dihulurkan oleh para pemimpin sewaktu berkempen. Jangkaan politik mereka adalah berbentuk objek-

tif dan menuntut pembuktian berdasarkan kepada fakta dan angka yang jelas dan tepat.

Penduduk bandar mempunyai laluan alternatif terhadap lorongan politik jika mereka tidak bersetuju dengan pihak yang memerintah. Sementelah pula, berdasarkan keputusan beberapa siri pilihan raya kecil yang berlangsung telah wujud kecenderungan untuk warga bandar tidak lagi menyokong pihak yang memerintah kini.

Jangkaan politik ini dilihat berbeza-beza di antara etnik kerana pengalaman pembandaran yang dilalui adalah berbeza-beza di antara kaum yang wujud.

Kesan daripada dasar pecah dan perintah yang dilakukan oleh penjajah Inggeris menyebabkan orang Melayu misalnya mengalami pembandaran yang lebih lambat berbanding dengan kaum Cina yang telah dibawa oleh British lebih awal bekerja di sektor perlombongan dan menghuni kawasan bandar.

Sementara kaum India diletakkan di estet-estet untuk mengusahakan ladang getah dan hasilnya dieksport ke Eropah untuk menampung keperluan sumber asli kesan daripada Revolusi Industri. Kewujudan Dasar Ekonomi Baru (DEB) setelah negara mencapai kemerdekaan kemudiannya telah merubah suasana pembandaran di kalangan ketiga-tiga kaum utama yang ada.

Justeru, jangkaan politik yang wujud dalam pemikiran ketiga-tiga kaum ini juga mengalami perubahan dan perlu diperhalusi sebaik mungkin untuk memudahkan sebarang da-

sar, strategi, pelan tindakan dan aktiviti yang bakal diambil untuk menambat semula hati penduduk bandar agar kembali menyokong pihak pemerintah.

“Prasarana pemikiran” warga bandar perlu dipenuhi dengan nilai-nilai sepunya tentang pembangunan modal insan yang tidak terbelenggu oleh nilai-nilai ketidakmampamanan seperti isu rasuah, sikap kecincinian, kurang prihatin terhadap isu yang memerlukan tindakan pantas harus diberi perhatian sewajarnya.

Nilai-nilai sepunya yang dimiliki oleh semua warga bandar harus dicungkil dengan lebih mendalam dan digali hingga ke akar umbi agar dapat dirungkaikan punca penolakan oleh warga bandar. Andaian bahawa penolakan yang berlaku bukanlah semata-mata dipengaruhi oleh tindakan emosi dan dakyah pihak yang tidak bertanggungjawab tetapi disebabkan oleh jangkaan politik warga bandar yang berbeza-beza.

Lantaran, kehidupan di bandar menjadi sebuah kehidupan yang menuntut atas iltizam yang begitu tinggi daripada para pemimpin masyarakat dan negara keseluruhannya. Tunutan membentuk sebuah bandar yang berdaya huni menjadi agenda utama para pemimpin masyarakat dan negara demi kelangsungan masa hadapan politik sesebuah parti.

Kewujudan sebuah bandar yang berdaya huni dengan masyarakatnya hidup lebih selesa, selamat, mempunyai suasana ekonomi yang terjamin dan persekitaran yang menghijau akan mampu membataskan jangkaan

politik tinggi yang berlebar di ruang pemikiran warga bandar agar tidak membentrok dan meluahkannya di dalam peti undi semasa pilihan raya.

Tunjang ekonomi yang kukuh dapat memberikan pelbagai kemungkinan sosial untuk membolehkan setiap warga bandar mendapat pekerjaan dan membebaskan diri daripada belenggu kedaifan kemiskinan dan kebuntuan hidup yang berterusan.

Justeru, bandar berdaya huni yang harus dibentuk mempunyai ekonomi yang tumbuh dan berkembang maju, masyarakat yang boleh hidup tenteram dan selesa, cukup makan dengan kualiti pemakanan yang tinggi, memiliki kediaman yang sesuai, memiliki kesampaian yang munasabah kepada prasaranan kesihatan dan sentiasa berada dalam keadaan tenang dengan persekitaran sosial yang selamat dan alam sekitar yang segar dan hening.

Walaupun dilihat pada zahirnya bandar berdaya huni ini merupakan suatu yang ideal atau hanya suatu lakaran cita-cita luhur tetapi jika diuruskan dengan sistem governans yang telus, ikhlas serta dinamik dalam lingkaran wawasan bandar yang realistik, cita-cita ini mampu dicapai. Nilai-nilai hidup yang murni yang boleh diterima semua pihak dalam masyarakat bandar akan membantu membina jati diri warga bandar keseluruhan.

**PENULIS** ialah Felo Penyelidik/Pensyarah Kanan, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)